



Selamat Datang  
Ke Laman Web dan Portal  
Universiti Putra Malaysia

[UTAMA](#) | [FAKTA & ANGKA](#) | [MEDIA](#) | [DIREKTORI KAKITANGAN](#) | [LOKASI](#) | [PETA LAMAN](#) | [SOALAN LAZIM](#) | [HUBUNGI KAMI](#)

CARI



Khamis, Julai 19, 2012

[Maklum Balas Laman Web](#)

[MENGENAI KAMI](#) | [PENYELIDIKAN](#) | [AKADEMIK](#) | [JARINGAN](#) | [ANTARABANGSA](#) | [KEHIDUPAN KAMPUS](#) | [PERKHIDMATAN](#)

[A-](#) | [A](#) | [A+](#) | [ENGLISH](#)

Berita » [UPM latih kursus kepimpinan kepada pegawai-pegawai kanan Bangladesh](#)



**SERDANG, 29 Jun** – Universiti Putra Malaysia (UPM) bekerjasama dengan kerajaan Bangladesh buat kali pertama dalam kursus Kepimpinan Lanjutan kepada 200 pegawai kanan kerajaan Bangladesh sejak 4 bulan lalu.

Dekan Sekolah Pengajian Siswazah Pengurusan (GSM) UPM, Prof. Dr. Arfah Salleh berkata kursus itu membantu menambah keupayaan pegawai-pegawai kanan Bangladesh untuk mempertingkatkan kemahiran kepimpinan dan mendedahkan mereka kepada amalan-amalan baik dalam perkhidmatan awam dan pembangunan sosio-ekonomi di Malaysia.

“Pendedahan itu memberi pengetahuan tentang faktor-faktor yang penting untuk mencapai pembangunan sosio-ekonomi yang pesat.



“Pengalaman Malaysia ternyata akan memberi manfaat kepada kerajaan Bangladesh untuk mencapai status negara berpendapatan sederhana pada 2021,” katanya pada majlis penutupan kursus Kepimpinan Lanjutan di sini.

Prof. Arfah berkata, UPM menjemput pegawai-pegawai kanan dari perkhidmatan awam sebagai penceramah untuk berkongsi pengetahuan dan pengalaman.

Kerajaan Bangladesh telah memilih Sekolah Siswazah Pengurusan, UPM sebagai institusi yang melaksanakan program itu memandangkan ia adalah Sekolah Perniagaan terbaik di negara ini.

Prof. Arfah menambah bahawa pihak universiti berbesar hati untuk melatih lebih ramai delegasi dari perkhidmatan awam Bangladesh di masa hadapan di samping mengukuhkan kebolehpayaan kerajaan Bangladesh untuk mencapai visi bagi menjadi negara berpendapatan sederhana menjelang 2021.

**Berita ini disediakan oleh Fatin Shafina binti Rasidi, 03-89466189 dan foto disediakan oleh Sekolah Pengajian Siswazah Pengurusan**

RSS | Dasar Privasi | Dasar Keselamatan | Penafian | Notis Hakcipta | Peta Laman | Bantuan | Jumlah Pelawat : 827091  
Paparan terbaik menggunakan Internet Explorer, Safari, Firefox, Google Chrome dengan resolusi 800 x 600 dan 1024 x 768

@2012 Universiti Putra Malaysia  
Kemaskini Terakhir : 19 Jul 2012

